

**PEMBIAYAAN HARTANAH / -i : 4.15% 2 Tahun Kadar Bertingkat - Terma dan Syarat ("T&S")****TEMPOH PROMOSI**

1. Promosi "**PEMBIAYAAN HARTANAH/-i: 4.15% 2 Tahun Kadar Bertingkat**" ("**Promosi**") Hong Leong Bank Berhad / Hong Leong Islamic Bank Berhad (secara kolektif dirujuk sebagai "**Bank**") bermula pada 01 Oktober 2017 dan berakhir pada 31 Mac 2018, kedua-dua tarikh termasuk ("**Tempoh Promosi**") kecuali dinyatakan sebaliknya dengan cara hantaran di laman web Bank di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) dan [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) ("Laman Web Bank").

**Terma dan Syarat("T&S")**

**Terma dan syarat yang digariskan berikut terpakai untuk Promosi:-**

**KELAYAKAN**

2. Promosi ini terbuka kepada **pemohon individu baru dan sedia ada dan bukan individu (termasuk pemilikan tunggal, perkongsian dan syarikat sendirian berhad (iaitu syarikat "Sdn Bhd")** yang memohon kepada Bank untuk mana-mana kemudahan pembiayaan terpilih Konvensional dan/atau Islam yang terlibat seperti yang terkandung di bawah ini ("Kemudahan Pembiayaan Terlibat") dengan jumlah kemudahan pembiayaan minimum Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000) bagi Hartanah Kediaman atau kemudahan pembiayaan minimum Ringgit Malaysia Empat Ratus Ribu (RM400,000) bagi Hartanah Bukan Kediaman dalam Tempoh Promosi:-
  - Pinjaman Perumahan/Kedai Hong Leong;
  - Pinjaman Perumahan/Kedai MortgagePlus Hong Leong;
  - Pinjaman Perumahan/Kedai Cawangan Perniagaan Hong Leong; dan
  - Pembiayaan Hartanah Fleksi-i CM Hong Leong (Pembiayaan Perumahan/Kedai) ("Pelanggan Layak").
3. Promosi ini adalah sah untuk Kemudahan Pembiayaan Terlibat bagi tujuan pembiayaan semula serta pembiayaan pembelian hartanah kediaman dan bukan kediaman yang siap dan dalam pembinaan.
4. Bagi mengelakkan keraguan, mereka yang berikut TIDAK layak untuk menyertai Promosi ini:
  - Pinjaman Kakitangan tetap atau kontrak Kumpulan Hong Leong (termasuk subsidiari dan syarikat-syarikat yang berkaitan);
  - Kakitangan Bank, rakan perniagaan Bank, wakil atau ejen (termasuk juruaudit luar, vendor, pembekal, ejen pengiklanan dan promosi) dan ahli keluarga terdekat masing-masing (contohnya pasangan, anak, ibu bapa, saudara lelaki atau perempuan);
  - Pelanggan Layak yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang tindakan pemalsuan, menyalahi undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLB/ Hong Leong Islamic Bank Berhad (HLISB) atau telah diisytiharkan muflis (tertakluk kepada suatu petisyen oleh mana-mana bank atau mana-mana pihak ketiga) atau akan tertakluk kepada apa-apa prosiding kebangkrapan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi; atau
  - Pelanggan Layak yang telah melakukan, atau didapati oleh Bank berpotensi boleh melakukan apa-apa tindakan salah yang ditetapkan di sini akan serta-merta dibatalkan daripada menyertai Promosi ini.

**PAKEJ HARGA PROMOSI**

5. Pelanggan Layak perlu menerima Kemudahan Pembiayaan Terlibat yang menawarkan Kadar Bertingkat 2 Tahun Pertama yang ditetapkan oleh Bank dengan menerima Surat Tawaran **pada atau sebelum 16 Mei 2018** ("Tarikh Penerimaan") untuk melayakkan "**Pakej Harga Promosi**" berikut untuk Promosi ini:-

 a. Pelanggan Individu

- (i) Kemudahan Pembiayaan Terlibat: Pinjaman Perumahan/Kedai Hong Leong, Pembiayaan Hartanah Fleksi-i CM Hong Leong (Pembiayaan Perumahan/Kedai) atau Pinjaman Perumahan/Kedai MortgagePlus Hong Leong;

Jenis Hartanah	Hartanah Kediaman	Hartanah Bukan Kediaman
<b>Hartanah Siap dan Dalam Pembinaan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <b>2 Tahun Pertama:</b> BR/IBR + 0.37% = 4.15%</li> <li>▪ <b>Seterusnya:</b> BR/IBR + 0.52% = 4.30%</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <b>2 Tahun Pertama:</b> BR/IBR + 0.47% = 4.25%</li> <li>▪ <b>Seterusnya:</b> BR/IBR + 0.62% = 4.40%</li> </ul>

 b. Pelanggan Bukan Individu

- Kemudahan Pembiayaan Terlibat: Pinjaman Perumahan/Kedai Cawangan Perniagaan Hong Leong; dan
- (i) Pembiayaan Hartanah Fleksi-i CM Hong Leong (Pembiayaan Perumahan/Kedai):

Jenis Hartanah	Hartanah Kediaman/ Hartanah Bukan Kediaman
<b>Hartanah Siap dan Dalam Pembinaan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <b>2 Tahun Pertama:</b> BLR/IFR – 2.54% = 4.25%</li> <li>▪ <b>Seterusnya:</b> BLR/IFR – 2.39% = 4.40%</li> </ul>

6. Kadar Asas Bank ("BR") / Kadar Asas Islam ("IBR") dan Kadar Pinjaman Asas ("BLR") / Kadar Pembiayaan Islam ("IFR") berkuat kuasa mulai 4 Ogos 2017 adalah masing-masing 3.78% dan 6.79%.
7. Kadar Bertingkat 2 Tahun Pertama akan bermula dari tarikh pengeluaran pertama Kemudahan Pembiayaan Terlibat atau dari tamatnya tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pengeluaran Surat Tawaran, yang mana lebih awal.
8. Pelanggan Layak akan menikmati Pakej Harga Promosi dengan tempoh terkunci/pegangan 3 tahun, yang akan berkuat kuasa dari tarikh pembayaran pertama Kemudahan Pembiayaan Terlibat. Bagi mengelakkan keraguan, sekiranya Pelanggan Layak memutuskan / menamatkan Kemudahan Pembiayaan Terlibat sebelum kematangan tempoh terkunci /pegangan 3 tahun tersebut, peruntukan Fasal penebusan awal dalam Surat Tawaran hendaklah digunakan.
9. Pelanggan Layak bertanggungjawab untuk menyediakan semua dokumen dan maklumat kepada Bank dan/atau memenuhi syarat seperti yang dinyatakan oleh Bank (jika ada) semasa mengemukakan permohonan untuk Kemudahan Pembiayaan Terlibat untuk Bank meluluskan Kemudahan Pembiayaan Terlibat tepat pada masanya. Bank hendaklah tidak dipertanggungjawabkan/bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kelewatan mengeluarkan Surat Tawaran selepas Tarikh Penerimaan atas apa jua sebab.

**AM**

10. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan Layak:-
  - a. bersetuju untuk terikat oleh T&S yang terkandung di sini;
  - b. bersetuju bahawa keputusan Bank ke atas semua perkara berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad dan terikat;
  - c. bersetuju bahawa semua permohonan untuk Kemudahan Pembiayaan Terlibat adalah tertakluk kepada penilaian kredit dan kelulusan Bank; dan
  - d. bersetuju untuk mengakses laman web Bank dari masa ke semasa untuk melihat T&S dan memastikan untuk mendapat maklumat terkini mengenai sebarang perubahan atau pertukaran terhadap T&S.
11. Bank berhak untuk:-
  - a. menambah, memadam atau mengubah T&S yang terkandung di sini, secara keseluruhan atau sebahagian, mengikut budi bicara mutlaknya dengan hantaran T&S yang dipinda di laman web Bank atau dalam apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank pada bila-bila masa dengan memberikan notis terlebih dahulu;
  - b. menolak dengan budi bicara mana-mana permohonan untuk Kemudahan Pembiayaan Terlibat tanpa perlu memberi sebarang sebab; dan
  - c. membatalkan mana-mana Pelanggan Layak daripada menyertai Promosi ini bagi apa-apa sebab sekalipun sebagaimana Bank mengikut budi bicara mutlaknya yang dianggap sesuai.
12. T&S yang terkandung di sini hendaklah dibaca dengan terma dan syarat Pinjaman Perumahan/Kedai Hong Leong, Pinjaman Perumahan/Kedai MortgagePlus Hong Leong, Pinjaman Perumahan/Kedai Cawangan Perniagaan Hong Leong dan Pembiayaan Hartanah Fleksi-i CM Hong Leong (Pembiayaan Perumahan/Kedai) sebagai perjanjian keseluruhan. Jika terdapat sebarang percanggahan, T&S yang terkandung di sini akan mengatasi sehingga tahap percanggahan tersebut..
13. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara T&S yang terkandung di sini dengan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan berkaitan dengan promosi ini, terma dan syarat akhir di laman web Bank akan diguna pakai.
14. T&S yang terkandung di sini adalah tertakluk pada dan dibentuk selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan Layak bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.